

SULIT



UNIVERSITI KUALA LUMPUR BUSINESS SCHOOL

SOALAN PEPERIKSAAN AKHIR

SEMESTER JANUARI 2016

KOD SUBJEK : MPU3113
SUBJEK : HUBUNGAN ETNIK
PERINGKAT : IJAZAH PERTAMA
MASA : 2:00 PTG – 5:00 PTG / 3 JAM
TARIKH : 23 MEI 2016

ARAHAN KEPADA CALON

1. Sila baca dengan teliti arahan yang diberikan pada kertas soalan.
2. Kertas soalan ini di cetak di kedua-dua belah muka surat.
3. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian; **bahagian A** dan **bahagian B**.
4. Jawab semua soalan.
5. Sila tulis jawapan pada buku jawapan yang disediakan.
6. Anda tidak dibenarkan membawa keluar kertas soalan ini dari dewan peperiksaan

**KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI EMPAT (4) HALAMAN BERCETAK TIDAK
TERMASUK MUKA HADAPAN**

BAHAGIAN A**ARAHAN: Jawab semua soalan****Sila jawab di buku jawapan yang disediakan****SOALAN 1**

Tercetusnya peristiwa 13 Mei 1969 telah memberi tamparan hebat kepada pemimpin negara tentang keseriusan tahap hubungan etnik di Malaysia sehingga kerajaan terpaksa melaksanakan tindakan jangka pendek dan jangka panjang bagi menangani permasalahan antara etnik di peringkat nasional. Beberapa strategi pengintegrasian dilaksanakan. Lengkapkan jadual berikut.

Bil.	Strategi	Keterangan
Cth:	Penggunaan Bahasa Kebangsaan	Penggunaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan dipanggil Bahasa Malaysia untuk menggambarkan Bahasa Melayu sesuai untuk semua masyarakat di Malaysia.
i.	Mengadakan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN)	
ii.	Program pada Peringkat Masyarakat dan Kejiranan	
iii.	Mengadakan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN)	
iv.	Peranan NGO	
v.	Kebudayaan	

(10 Markah)

SOALAN 2

Majlis Raja-Raja merupakan sebuah badan rasmi yang ditubuhkan mengikut Perkara 38 Perlembagaan Persekutuan Malaysia sebagai tempat bagi Raja-Raja dan Yang di-Pertua -Yang di-Pertua Negeri bertemu dan berbincang. Nyatakan fungsi Majlis Raja-Raja sebagai badan rasmi kerajaan.

- i.
- ii.
- iii.
- iv.
- v.

(10 Markah)

SOALAN 3

Berikan 5 contoh aplikasi media cetak dan media elektronik yang dapat menyatukan etnik:

- i.
- ii.
- iii.
- iv.
- v.

(10 Markah)

SOALAN 4

Berikan **LIMA** simbol keagamaan yang diwajibkan oleh Guru Gobind Singh Ji terhadap penganut agama Sikh

1.
2.
3.
4.
5.

(10 Markah)

[Jumlah markah: 40 markah]

BAHAGIAN B**ARAHAN: Jawab semua soalan****Sila jawab di buku jawapan yang disediakan****SOALAN 1**

Dalam konteks agama, kehidupan manusia yang harmonis adalah berteraskan prinsip kepercayaan, amalan dan nilai-nilai etika. Daripada perkara inilah terbinanya asas, peraturan dan adab yang bertujuan mengatur hubungan dan pergaulan yang sesuai dengan peraturan yang ditetapkan oleh agama demi melahirkan keharmonian dalam masyarakat.

Huraikan langkah-langkah yang bersesuaian dalam mengaplikasi hubungan etnik bagi menjaga keharmonian dalam masyarakat pluralistik di Malaysia.

(20 Markah)**SOALAN 2**

Malaysia merupakan sebuah negara yang sedang pesat membangun. Melalui pelbagai dasar-dasar pembangunan dapat dilihat Malaysia sememangnya giat melakukan pelbagai pembangunan ekonomi, politik dan sosial bagi mencapai taraf negara maju. Bincangkan kepentingan dan keburukan pekerja asing ini kepada negara Malaysia terutamanya berkaitan isu kemasukan 1.5 juta pekerja asing Bangladesh yang dibawa masuk ke Malaysia pada tahun ini (2016).

(20 Markah)**SOALAN 3**

Di Malaysia, terdapat banyak restoran mamak dibuka dan menyediakan perkhidmatan perniagaan 24 jam sehari. Keadaan ini menarik minat pelanggan-pelanggan dari pelbagai kumpulan etnik untuk berkunjung ke restoran-restoran mamak. Berdasarkan senario ini, bincangkan bagaimanakah masyarakat Malaysia yang bersifat multi-etnik ini menjadikan restoran mamak sebagai wadah keharmonian dan permaufakatan dalam masyarakat yang bersifat multi-etnik?

(20 Markah)**[Jumlah markah: 60 markah]****~KERTAS SOALAN TAMAT~**

